

# Pameran bukti kehebatan ilmuwan Islam

B.H. M/S 98.1.07

**P**ameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu Astronomi Islam, Geografi dan Navigasi; Penemuan dan Penciptaan Perubatan; Matematik, Kesenian dan Arkitektur; serta Teknologi dan Reka Bentuk.

Di bahagian Astronomi Islam, Geografi dan Navigasi; pengunjung berpeluang merasai pengalaman berada di balai cerap yang diubahsuai dalam bentuk persekitaran animasi.

Antara dua struktur instrumen astronomi yang dipilih ialah 'Sundial' (instrumen untuk menentukan waktu) dan 'Constellation Dome' (enam buruj pilihan mengandungi bintang) yang mana kedua-duanya adalah elemen interaktif yang berperanan sebagai persekitaran animasi kepada bahan pameran.

Ruang pameran Geografi dan

Navigasi pula adalah simulasi sebuah kapal yang diilhamkan berdasarkan pelayaran ilmuwan Islam dalam pencarian ilmu pengetahuan, sekali gus mewujudkan suasana pelayaran dan perdagangan pada zaman kegemilangan Islam.

Di bahagian Penemuan dan Penciptaan Perubatan pula dibangunkan binaan seperti sebuah kompleks hospital yang dibahagikan kepada tiga ruang utama iaitu Sekolah Perubatan, Bilik Rawatan dan Farmasi yang menempatkan bahan pameran berkaitan bidang berkenaan.

Sementara itu, ruang pameran Matematik, Kesenian dan Arkitektur menempatkan pelbagai alat untuk mendapatkan ukuran penting atau ketepatan sesuatu berkaitan amalan agama seperti penentuan arah kiblat, pengiraan masa, pengiraan zakat

serta tarikh atau takwim penting dalam kalendar Islam.

Kemasyhuran umat Islam dari sudut ketelitian dan rekaan geometri yang anggun dalam menghias bangunan bersejarah turut dipamerkan dalam bentuk 2D dan 3D yang menarik.

Ruang pameran Teknologi dan Reka Bentuk pula menampilkan gambaran senario evolusi peralatan teknologi hasil inovasi zaman kegemilangan Islam. Ia dibahagikan kepada dua kawasan utama iaitu pameran peralatan teknologi berasaskan perladangan dan teknologi lain yang direka mengikut peredaran masa zaman berkenaan.

Pameran itu akan dibawa ke Pusat Sains Negara (PSN) dari 23 Januari sehingga 31 Mac 2007.

Selain pameran, pelbagai aktiviti menarik akan dianjurkan seperti simposium antarabangsa,

pengunjung bertuah, kuiz dan program pendidikan.

Pameran itu adalah kerjasama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Institute for the History of Arabic-Islamic Sciences, Universiti Johann Wolfgang Goethe University di Frankfurt, Jerman. Prof Dr Fuat Sezgin menyediakan 148 bahan pameran ciptaan ilmuwan Islam yang dihasilkan sendiri berdasarkan kajian yang dijalankan.

Sehubungan itu, Dr Fuat yang juga ahli sejarah sains dan teknologi ulung di dunia Islam akan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Universiti Teknologi Malaysia atas pengorbanan dan jasanya dalam dunia sains.

Seramai 100,000 pengunjung dijangka hadir termasuk dikalangan saintis, tokoh agama, ahli korporat dan pelajar.